

SULIT
3755/2
PERDAGANGAN
KERTAS 2
NOVEMBER
2002
2 JAM

3755/2

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2002

TINGKATAN EMPAT

PERDAGANGAN
KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. *Kertas soalan ini mengandungi enam soalan.*
2. *Jawab mana-mana empat soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

SULIT

1. a. Apakah pengkhususan? (5 markah)
b. Nyatakan kebaikan dan kelemahan pengkhususan. (10 markah)
c. Bagaimanakah agensi-agensi kerajaan yang berikut dapat membantu memajukan perniagaan.
i. Majlis Amanah Rakyat (MARA) (5 markah)
ii. Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) (5 markah)
2. a. Jelaskan perbezaan antara perniagaan borong dengan perniagaan runcit. (10 markah)
b. Bagaimanakah peruncit besar-besaran menjalankan peranan yang biasa dilakukan oleh pemborong? (10 markah)
c. Tulis nota ringkas mengenai jobber para. (5 markah)

Soalan 3 berdasarkan pernyataan di bawah:

Syarikat Maidin adalah sebuah syarikat borong di Kuala Terengganu dan En. Baba Adalah seorang peniaga runcit di kuala Terengganu. Berikut adalah urusanniaga yang Berlaku antara mereka.

2002 Mei

3. 3 Syarikat Maidin menjual barang-barang secara kredit kepada En. Baba berjumlah RM 2400.00
7 Encik Baba memulangkan 1/6 daripada barang yang dibeli pada 3 Mei kerana tersalah jenama
18 Syarikat Maidin menjual lagi barang secara kredit kepada Encik Baba RM 1450.00
22 Encik Baba membayar semua hutangnya kepada Syarikat Maidin diberi 10 % diskaun tunai.
3. a) Nyatakan dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh Syarikat Maidin kepada Encik Baba pada Mei 3, Mei 7 dan Mei 22 (3 markah)
b) Terangkan fungsi ketiga-tiga dokumen yang dinyatakan di atas. (12 markah)
c) Hitungkan jumlah bayaran yang dibayar oleh Encik Baba kepada Syarikat Maidin pada Mei 22. (4 markah)
d) Walaupun terdapat banyak faedah daripada Perniagaan Antarabangsa, kerajaan masih mengenakan beberapa sekatan ke atasnya. Terangkan sekatan yang dikenakan oleh kerajaan dalam perniagaan antarabangsa. (6 markah)

Taman Semarang, sebuah kawasan perumahan di luar Bandar Kuala Terengganu dianggarkan mempunyai 2,500 orang penduduk. Encik Mutaqin membuka sebuah kedai menjual kek dan roti dengan menggunakan modal sebanyak RM 40,000.00.jualannya adalah kurang memuaskan kerana adanya persaingan daripada dua buah kedai roti yang sudah berniaga di situ. Dalam tempoh empat bulan pertama perniagaannya di buka, Encik Mutaqin telah mengalami kerugian tap-tap bulan. Ekoran daripada itu, Encik Mutaqin cuba mempelbagaikan jenis kek dan roti yang dijualnya untuk menarik pelanggan. Walaupunapun, jualannya hanya meningkat dengan sedikit sahaja dan masih tidak dapat menanggung kos overhead yang tinggi.

6. Baca dengan teliti kes di bawah.

- 5. a) "Insurans merupakan pemusatan risiko" Jelaskan. (5 markah)
- b) Insurans melindungi sididinsurans daripada risiko-risiko yang mungkin berlaku. Terangkan jenis-jenis risiko yang ada. (8 markah)
- c) Mengapakah beberapa orang pemilikkan tunggal yang menjalankan perniagaan yang sama cenderung membentuk perkongasian. (12 markah)
- 4. a) Apakah Endorsan ? (4 markah)
- b) Terangkan dengan ringkas jenis-jenis endorsan. (10 markah)
- c) Nyatakan dan terangkan satu perkhidmatan bank yang paling sesuai untuk digunakan oleh seorang pelanggan bagi tap-tap kes berikut:

 - i. Syarikat Jasa Bakti hendak membuat bayaran gaji bulanan kepada 50 orang pekerjaanya yang mempunyai akaun bank. (3 markah)
 - ii. Encik Chong hendak mengitum HK\$200 kepada anaknya yang sedang belajar di Hong Kong dengan segera. (3 markah)
 - iii. Seorang peniaga memertikan wang pendahuluan semasa daripada banknya untuk menambatkan modal pusingan perniagaannya. (3 markah)
 - iv. Encik Ahmad inginkan banknya membayar ansuran bulannya bagi pinjaman kereta dan sewa rumahnya. (3 markah)

Encik Zulhilmi, seorang pengusaha yang mempunyai kilang memproses dan mengetin jus buah-buahan seperti jambu batu, manggis dan Roselle telah beroperasi selama 5 tahun di Taman Semarak. Hasil keluaran Encik Zulhilmi yang berjenama "Enak" hanya dipasarkan di sekitar Kuala Terengganu sahaja. Sejak akhir-akhir ini, permintaan terhadap jus buah-buahan "Enak" telah meningkat dengan kadar yang amat menggalakkan. Perniagaan Encik Zulhilmi semakin berkembang dan dia bercadang untuk memasarkan keluarannya ke seluruh negara.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut :

- a) Apakah promosi? (3 markah)
- b) Terangkan tiga media pengiklanan yang sesuai digunakan oleh Encik Muttaqin. (9 markah)
- c) Apakah dua jenis promosi yang dapat membantu Encik Zulhilmi memasarkan keluarannya ke seluruh negara? (8 markah)
- d) Nyatakan dan terangkan tiga faktor yang mempengaruhi pemilihan media pengiklanan oleh Encik Muttaqin dan Encik Zulhilmi. (5 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

**SKIMA PEMARKAHAN PERDAGANGAN TG. 4 AKHIR TAHUN 2002
KERTAS 2**

1. a) - proses menumpukan kegiatan produktif [1]
- kepada sesuatu bidang pengeluaran yang tertentu [1]
- membolehkan individu mencapai kemahiran tertentu [1]
- terdapat 4 jenis pengkhususan [1]
- mengikut profesion/mengikut kawasan/mengikut proses/antarabangsa [1]

[maksima 5 markah]

- b) Kebaikan:
- meningkatkan kemahiran pekerja [1]
 - membolehkan pengeluaran dijalankan secara besar-besaran [1]
 - menjimatkan masa [1]
 - membolehkan mesin digunakan [1]
 - peluang bagi setiap pekerja mengasah bakat [1]
 - menjimatkan dalam penggunaan peralatan atau mesin [1]
 - meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan kos [1]

[maksima 5 markah]

Kelemahan :

- membosankan pekerja [1]
- hasil keluaran yang standard [1]
- risiko pengangguran meningkat [1]
- kehilangan daya cipta dan seni pertukangan [1]
- pergantungan yang kuat antara satu dengan yang lain [1]

[maksima 5 markah]

- c) i. - membantu khidmat nasihat pengurusan [1]
- mengadakan kursus-kursus /latihan [1]
- memberi bantuan kewangan [1]
- memberi kemudahan infrastruktur dan ruangniaga [1]
- memberi galakkan [1]

[maksima 5 markah]

- ii. - dapat memberikan latihan [1]
- meningkatkan kecekapan pengurusan [1]
- melalui kursus/seminar/bengkel [1]
- dapat meningkatkan daya pengeluaran [1]
- mengurangkan kos pengeluaran [1]

[maksima 5 markah]

2. a) Perbezaan perniagaan borong dan perniagaan runcit.

Pemborong

- modal besar [1]
- memberi kredit kepada peruncit dan membayar tunai kepada pengeluar [1]
- mengamalkan pengkhususan dalam setiap bidang [1]
- memberi maklumat kepada pengeluar dan peruncit dalam saluran agihan [1]
- memberi kredit dan khidmat lepas jualan kepada peruncit [1]
- terletak di kawasan Bandar [1]
- menyediakan gudang untuk menyimpan barang [1]
- menjalankan kerja-kerja akhir [1]
- tidak perlu peragaan yang baik [1]
- membeli barang secara pukal daripada pengeluar [1]

Peruncit

- modal kecil [1]
- memberi kredit kepada pelanggan sahaja [1]
- menjual barang yang beraneka jenis dan tiada pengkhususan [1]
- memberi maklumat kepada pemborong dan pengeluar [1]
- memberi kredit dan khidmat lepas jualan kepada pelanggan [1]
- terletak di kawasan perumahan atau berdekatan dengan pelanggan [1]
- menyewa kedai dan premis sahaja [1]
- menjual barang yang telah dibungkus oleh pemborong [1]
- perlu peragaan yang baik untuk menarik minat pelanggan [1]
- membeli daripada pemborong dalam kuantiti yang lebih kecil [1]

[maksima 10 markah]

b. Perniagaan runcit besar-besaran menjalankan fungsi pemborong:

- i. membeli secara pukal [1]
 - beli secara pukal daripada pengeluar dan jual kepada pengguna dalam kuantiti yang diperlukan [1]
- ii. membiayai belian dengan segera [1]
 - biayai pengeluar dengan bayaran tunai [1]
- iii. memecah pukal [1]
 - memecah pukal seperti pemborong [1]
- iv. melibatkan diri dalam kerja-kerja pengagihan barang [1]
 - agih barang daripada pengeluar kepada pengguna [1]

- v. menyediakan gudang sendiri [1]
- untuk menyimpan stok besar serta memecah pukal [1]
- vi. menyampaikan maklumat [1]
- rungutan pengguna tentang barang kepada pengeluar [1]

[maksima 10 markah]

c. Jober para

- membekalkan barang-barang kepada peruncit [1]
- memberi perkhidmatan mengawasi pergerakan stok di atas rak/para [1]
- stok barang yang dijual digantikan [1]
- supaya bekalan stok sentiasa ada [1]
- mengambil hakmilik ke atas barang-barang yang habis dijual sahaja [1]
- peruncit tidak perlu bayar untuk barang yang tidak terjual [1]
- menjual barang yang berjenama terkenal [1]

[maksima 5 markah]

- 3. a. Mei 3 - Invois [1]
- Mei 7 - nota kredit [1]
- Mei 22 - Resit [1]

- b. i. Invois - digunakan dalam urusan jualan kredit [1]
- memberitahu pelanggan maklumat tentang kuantiti/ [1]
- harga/ tarikh jualan/jumlah jualan/jenis barang [1]
- membolehkan pelanggan menyemak [1]
- dengan surat pesanan/nota serahan [1]

[maksima 4 markah]

- ii. Nota kredit - dikeluarkan oleh penjual kepada pelanggan [1]
- memberitahu akaun telah dikreditkan/dikurangkan [1]
- sebab pulangan bekas kosong [1]
- pulangan barang-barang rosak [1]
- membatalkan invois yang tersalah [1]

[maksima 4 markah]

- iii. Resit - dikeluarkan oleh pemiutang kepada penghutang [1]
- sebagai bukti bayaran [1]
- mencatat jumlah bayaran [1]
- terdapat tanda tangan penerima [1]
- rujukan untuk simpan kira [1]

c. Mei 3	jualan	RM 2 400.00	
7	pulangan (1/6 daripada RMM2 400.00)	400.00	[1]
	jualan selepas pulangan	2 000.00	[1]
18	jualan	1 450.00	[1]
22	jumlah bayaran	3 450.00	[1]
	diskaun tunai 10%	345.00	[1]
	JUMLAH BAYARAN	3 105.00	[1]
		[maksima 4 markah]	

d. sekatan yang dikenakan oleh kerajaan

1. Tarif/cukai import [1]
 - dikenakan ke atas barang import [1]
 - harga barang import menjadi lebih mahal [1]
 - untuk menjaga industri muda dalam negara [1]

2. Kuota [1]
 - menghadkan jumlah maksimum barang-barang yang diimport dalam satu masa tertentu [1]
 - tidak mendatangkan kesan kepada harga barangan [1]
 - untuk menjaga industri tempatan [1]

3. Embargo/sekatan ekonomi [1]
 - pengharaman terhadap import/eksport daripada negara tertentu [1]
 - dikenakan pada negara yang tidak mempunyai hubungan politik/perdagangan [1]
 - untuk barangan yang merbahaya/mengugat keselamatan negara [1]

[maksimum 6 m]

4. a. -menandatangani di belakang cek [1]
 - untuk memindah milik cek [1]
 - kepada pihak lain [1]
 - menunaikan cek perintah di kaunter bank [1]


[maksima 4 markah]

b. i. Endorsan biasa

- sidibayar menandatangani dibelakang cek
- tidak perlu menyatakan nama penerima dibelakang cek
- dapat di pindah milik kepada sesiapa sahaja dikaunter bank
- cek perintah akan jadi cek kembara

[1]
[1]
[1]
[1]
[1]

- contoh:




[1]
[maksima 3 markah]

ii. Endorsan terbatas

- sidibayar menulis nama yang hendak dipindah milik
- diikuti dengan perkataan 'sahaja'
- hanya penerima yang tertulis sahaja berhak menunaikannya
- tidak dipindah milik lagi
- contoh :

[1]
[1]
[1]
[1]
[1]



[1]
[maksima 3 markah]

iii. Endorsan Khas

- sidibayar menyatakan nama penerima cek yang hendak dipindahmilik
- penerima cek boleh pindah milik kepada penerima lain dengan endorsan baru
- boleh diteruskan kepada beberapa kali pindah milik

[1]
[1]
[1]
[1]

-contoh :

Bayan Siyah
Lu
Bayan Amir Ralim
Ami
Bayan Anis
Amo

[1]

[maksima 3 markah]

c. i. Pindahan kredit

[1]

- Syarikat Jasa Bakti mesti mempunyai akaun semasa [1]
- Syarikat akan menghantar senarai nama pekerja/nombor akaun [1]
- jumlah yang hendak dikreditkan [1]
- Syarikat Jasa Bakti mengeluarkan satu cek untuk bayaran itu [1]
- bank debit akaun syarikat [1]
- kredit akaun pekerja [1]
- perkhidmatan ini menjimatkan masa [1]

[maksima 3 markah]

ii. Pindahan Telegraf

[1]

- Encik Chong membayar kepada bank terlebih dahulu [1]
- Sejumlah wang dalam RM mengikut kadar tukaran semasa [1]
- kos telegraf dan caj bank dikenakan [1]
- bank itu mengarahkan ejen/cawangannya di Hong Kong [1]
- untuk membayar kepada anak Encik Chong [1]

[maksima 3 markah]

iii. Overdraf bank

[1]

- peniaga memohon untuk mendapat overdraf [1]
- peniaga mengeluarkan cek melebihi baki kreditnya [1]
- faedah dikenakan mengikut hari [1]
- ke atas jumlah lebihan yang dikeluarkan [1]
- jumlah yang besar, peniaga mesti menyediakan cagaran/rujukan [1]

[maksima 3 markah]

- iv. Perintah sedia ada/arahan pada bank [1]
- Encik Ahmad mesti mempunyai akaun semasa [1]
- Encik Ahmad mesti memberitahu bank [1]
- perkhidmatan untuk bayaran tetap [1]
- maklumat nama penerima/jumlah bayaran/tarikh [1]
- bank akan mengirim wang [1]
- Debit akaun Encik Ahmad [1]

[maksima 3 markah]

- 5. a.-sejumlah orang yang membeli polisi insurans [1]
- mencarum sejumlah wang/premium [1]
- ke dalam satu tabung/dana insurans [1]
- jika salah seorang daripada mereka ditimpa risiko [1]
- sebahagian wang daripada tabung dikeluarkan [1]
- untuk dibayar kepadanya sebagai gantirugi [1]
- kerugian yang dialami oleh seorang akan ditanggung bersama [1]

[maksima 5 markah]

- b. i. Risiko yang boleh diinsuranskan [1]
- risiko yang kemungkinan kejadian dapat dijangka/dikira secara sistematik [1]
- berdasarkan rekod-rekod/data-data masa lalu [1]
- tentang kejadian risiko tersebut [1]
- contoh : Kebakaran,kemalangan,kecurian,rompakan,kematian kecederaan,pecah amanah [1]

[maksima 4 markah]

- ii. Risiko yang tidak boleh diinsuranskan [1]
- risiko yg kemungkinan kejadiannya tidak dapat dijangka/dikira [1]
- secara statistic/perangkaan [1]
- kerana tidak ada rekod/data/pengalaman masa lalu tentang kejadian tersebut [1]
- kadar premium tidak dapat dikira/ditentukan [1]
- kerana tidak boleh diramal [1]
- contoh : perubahan cita rasa/hutang lapuk/ gempa bumi [1]

[maksima 4 markah]

- c. i. modal yang lebih banyak [1]
- perniagaan dapat berkembang/membantu melancarkan perniagaan [1]
- ii. risiko kerugian dapat disebar/ditanggung oleh rakan kongsi [1]

- setiap pekongsi menggung risiko yang lebih rendah/mengurangkan beban [1]
- iii. -pengkhususan/pembahagian kerja dapat diamalkan [1]
- setiap rakan kongsi mengkhusus dalam pengurusan perniagaan mengikut kemahuan, kebolehan, minat, kecenderungan dan pengalaman [1]
- hal ini boleh memajukan lagi perniagaan [1]
- iv. mengurangkan persaingan [1]
 - persaingan antara pemilik-pemilik perniagaan tunggal dalam perniagaan yang sama dapat dikurangkan [1]
 - mengurangkan pembaziran [1]
- v. bertukar pendapat/idea antara rakan kongsi [1]
 - membolehkan idea terbaik digunakan untuk memajukan dan menguntungkan perniagaan [1]
- vi. cukai lebih rendah [1]
 - cukai dikenakan berdasarkan cukai pendapatan perseorangan atas keuntungan yang mereka terima [1]

- 6. a. -cara/kaedah untuk memberitahu/penerangan [1]
 - memujuk [1]
 - mempengaruhi pengguna membeli barangan perkhidmatan [1]

[maksima 3 markah]

- b. i. Papan iklan/tanda [1]
 - diletakkan di bahagian luar/hadapan kedai [1]
 - menunjukkan nama kedai/jenis perniagaan [1]
- ii. Peragaan [1]
 - mengatur kek-kek/roti dihadapan cermin tingkap kedai [1]
 - mempunyai tempat khas untuk memperagakan barang [1]
- iii. Risalah [1]
 - memuatkan maklumat barangan/kedai [1]
 - diedar kepada orang ramai/rumah ke rumah [1]
- iv. Poster [1]
 - kepingan kertas/kain/papan [1]
 - diletakkan di tempat-tempat yang strategik [1]

[maksima 9 markah]

- c. i. Pengiklanan [1]

- melalui media cetak/elektronik [1]
- memperkenalkan barangan baru [1]
- memberi maklumat/penerangan tentang jus buah-buahan "Enak" [1]
- contoh iklan: iklan memujuk [1]

- ii. Promosi jualan [1]
 - merangsang pembelian jus buah-buahan "Enak" [1]
 - melibatkan pemberian pelbagai intensif [1]
 - melalui pameran/tawaran istimewa/pertandingan [1]

[maksima 8 markah]

- d. i. Saiz perniagaan [1]
 - saiz perniagaan Encik Muttaqin kecil [1]
 - media pengiklanan murah [1]
 - saiz perniagaan Encik Zulhilmi besar [1]
 - media pengiklanan lebih besar [1]

[maksima 2 markah]

- ii. Kos pengiklanan [1]
 - kos tinggi atau rendah [1]
 - kos pengiklanan Encik Muttaqin rendah kerana perniagaannya kecil [1]
 - kos pengiklanan Encik Zulhilmi tinggi kerana perniagaannya besar [1]

[maksima 2 markah]

- iii. Luas Pasaran [1]
 - bersifat setempat atau seluruh Negara [1]
 - perniagaan Encik Muttaqin bersifat setempat [1]
 - perniagaan Encik Zulhilmi bersifat lebih meluas [1]

[maksima 2 markah]

[maksima keseluruhan 5 markah]